



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 18 MAC 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KILANG PADI MADA HARAPAN BAHARU PESAWAH, SUARA SINAR, SINAR HARIAN, M/S - 12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BEKALAN AIDILFITRI CUKUP, HARGA BARANGAN TERKAWAL, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S - 9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	12 JUTA STOK AYAM, 160 JUTA TELUR SEPANJANG RAYA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S - 21	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	MBSP OFFERS HALF-PRICE PET STERILISATION, EVENT, THE STAR, M/S - 11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	BEKALAN SAYUR, DAGING DIJAMIN CUKUP, NEGARA, KOSMO, M/S - 4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2026	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	M/S 12

Kilang padi MADA harapan baharu pesawah



ANALISIS MUKA 12

WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR

Usaha kerajaan meluluskan peruntukan RM45.6 juta bagi pembinaan kilang padi milik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Megat Dewa, Jerlun di Kedah bukan sekadar projek pembangunan biasa, sebaliknya dilihat sebagai langkah strategik memperkukuh ekonomi pesawah dan rantaian industri padi negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu telah memberi isyarat jelas bahawa kerajaan semakin memberi perhatian serius terhadap isu keterjaminan makanan negara, khususnya bekalan beras.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, isu bekalan beras tempatan sering menjadi perbincangan hangat. Kadar Sara Diri (SSR) beras negara masih berada pada tahap sederhana iaitu sekitar 52.6 peratus bagi Malaysia dan 58.3 peratus untuk Semenanjung.

Justeru, sasaran meningkatkan SSR kepada 70 peratus menjelang 2030 adalah satu agenda besar yang memerlukan perubahan struktur dalam industri padi negara.

Malaysia perlu mengukuhkan industri makanan negara bagi menjamin keselamatan bekalan makanan rakyat terutama ketika berdepan krisis global, perubahan iklim dan gangguan

rantaian bekalan.

Pengukuhan sektor pertanian juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, menstabilkan harga dan meningkatkan pendapatan petani dan pesawah.

Langkah itu penting bagi memastikan negara kekal berdaya tahan dan mampu memenuhi keperluan makanan pada masa depan.

Dalam konteks ini, pembinaan kilang padi milik MADA boleh dianggap sebagai langkah penting untuk mengukuhkan rantaian nilai industri tersebut.

Selama ini sebahagian besar pemprosesan dan pemasaran beras dikuasai pihak swasta atau orang tengah, menyebabkan pesawah sering berada di kedudukan paling lemah dalam rantaian ekonomi itu.

Apabila MADA mempunyai kilang pemprosesan sendiri, peluang untuk mengawal sebahagian rantaian industri akan menjadi lebih besar.

Padi yang dihasilkan pesawah dapat diproses secara lebih tersusun dan berpotensi memberikan pulangan ekonomi lebih baik kepada mereka.

Langkah ini juga sejajar dengan usaha kerajaan memperkasa sektor pertanian melalui pendekatan menyeluruh, bukan hanya tertumpu kepada pengeluaran tetapi turut melibatkan aspek pemprosesan, pemasaran dan logistik.

Namun, pembinaan kilang padi sahaja tidak mencukupi sekiranya isu asas yang membelenggu pesawah tidak di-

tangani secara serentak.

Antara cabaran utama yang masih menghimpit golongan berkenaan ialah peningkatan kos pengeluaran termasuk harga baja, racun dan benih yang semakin mahal.

Infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saliran juga memainkan peranan penting menentukan tahap produktiviti sawah.

Dalam hal ini, usaha kerajaan menyelenggara sehingga 2,000 kilometer tali air dan menaik taraf lebih 1,300 kilometer jalan pertanian adalah langkah amat penting.

Jika semua inisiatif itu dilaksanakan secara berkesan, ia berpotensi meningkatkan purata hasil padi sehingga 6.1 tan sehektar seperti disasarkan.

Hakikatnya, sektor padi bukan sekadar soal ekonomi semata-mata tetapi turut berkait rap-

pat dengan keselamatan makanan dan kestabilan sosial negara.

Justeru, pembinaan kilang padi MADA wajar dilihat sebagai sebahagian strategi jangka panjang bagi memastikan pesawah tidak terus terpinggir dalam arus pembangunan ekonomi negara.

Jika diurus dengan baik, inisiatif itu mampu menjadi pemangkin kepada transformasi industri padi dan mengembalikan nilai ekonomi yang lebih adil kepada pesawah.

Pembinaan kilang padi sahaja tidak mencukupi sekiranya isu asas yang membelenggu pesawah tidak ditangani secara serentak.”

*Wan Mohd Noor Hafiz Wan Mansor ialah Wartawan Sinar Harian Utara

KPDN sahkan bekalan stabil walaupun berdepan cabaran global

KUALA LUMPUR - Bekalan barangan keperluan bagi sambutan Aidilfitri tahun ini dijangka mencukupi dengan harga kekal terkawal walaupun berhadapan ketidakpastian global termasuk ketegangan di Asia Barat.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam berkata, Kementerian memantau rapat situasi bekalan dan harga di pasaran bagi memastikan kestabilan berterusan.

Beliau berkata, pemantauan dilaksanakan secara bersepadu bersama-sama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta pemain industri bagi mengelakkan sebarang gangguan rantaian bekalan.

Perkara itu, menurut beliau turut dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Mesyuarat Majlis Tindakan

Sara Hidup Negara (NACCOL) minggu lepas.

"Setakat ini bekalan dalam negara insya-ALLAH mencukupi dan harga masih terkawal walaupun ada sedikit impak daripada konflik di Asia Barat," katanya dalam temu bual program *Apa Khabar Malaysia* terbitan Bernama TV pada Selasa.

Menurutnya, KPDN telah memeriksa 67,704 premis di seluruh negara melalui Ops Pantau sepanjang Ramadan setakat tengah malam semalam, dengan 1,173 kes ketidakpatuhan di kesan membabitkan nilai rampasan hampir RM13.69 juta serta kompaun berjumlah ham-

pir RM260,000.

Beliau berkata, operasi itu memberi tumpuan kepada pematuhan tanda harga, penggunaan alat timbang yang sah, status halal, penjualan barangan tiruan dan kesahihan promosi jualan murah.

Beliau berkata, jumlah aduan pengguna kekal tinggi setiap tahun dengan sebahagian besar melibatkan kegagalan perniagaan memamerkan tanda harga.

"Tahun lepas ada 46,200 aduan direkodkan manakala tahun sebelumnya 46,815 aduan. Jika berlaku sebarang insiden, jangan takutkan. Laporan terus kepada KPDN supaya pihak KPDN akan meng-



AZMAN

Bekalan Aidilfitri cukup, harga barangan terkawal

FOTO: BERNAMA



Orang ramai membeli barangan keperluan yang termasuk dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2026 ketika tinjauan di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu pada Selasa.

ambil tindakan," katanya.

Azman berkata, aduan yang lengkap akan disiasat dalam tempoh 24 jam sebagai komitmen Kementerian dalam melindungi hak pengguna. - Bernama

18/3/2026

M/S 21

NASIONAL

SINAR
HARIAN

Bekalan daging lembu dan kerbau juga berada pada tahap stabil

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH - Sebanyak 12 juta ayam dan 160 juta telur disediakan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi sempena musim perayaan Aidilfitri di negeri ini.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, pihaknya memberi jaminan bekalan ayam, telur dan daging di negeri ini berada pada tahap mencukupi, stabil serta terkawal.

Menurutnya, jaminan itu dibuat hasil pemantauan berterusan dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Perak bersama agensi berkaitan terhadap sektor pengeluaran ternakan.

"Bagi bekalan ayam pedaging, pengeluaran semasa dianggarkan sekitar 10 hingga 12 juta ekor sebulan yang mencukupi untuk me-

enuhi keperluan pengguna termasuk peningkatan permintaan semasa musim perayaan.

"Pengeluaran telur ayam pula dianggarkan sekitar 140 hingga 160 juta biji sebulan dengan bekalan diagihkan secara berterusan ke pasaran bagi memastikan kestabilan bekalan kepada pengguna di seluruh negeri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat tinjauan di Pasar Besar Ipoh dan Pasar Raya Besar Mydin Meru Raya di sini pada Selasa.

Menurutnya, bekalan daging lembu dan kerbau juga berada pada tahap stabil melalui gabungan sumber pengeluaran tempatan serta bekalan import.

Menurutnya, jumlah bekalan daging dianggarkan sekitar 360 hingga 400 tan metrik sebulan

12 juta stok ayam, 160 juta telur sepanjang raya

produk ternakan ke pasaran bagi memastikan bekalan makanan asas ini sentiasa mencukupi, berkualiti serta sampai kepada pengguna tanpa sebarang gangguan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembelian secara panik atau berlebihan kerana bekalan ayam, telur dan daging akan terus diagihkan secara konsisten sepanjang tempoh menjelang dan sepanjang musim perayaan Aidilfitri.

Tambahnya, kerajaan negeri akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama pemain industri ternakan, pengusaha ladang serta agensi berkaitan bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan di Perak sentiasa terpelihara.



Mohd Zolkafly (tengah) ketika meninjau barangan keperluan Aidilfitri di Pasar Raya Besar Mydin Meru Raya, Ipoh pada Selasa.

bagi memenuhi keperluan pasaran di negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri melalui DVS bersama agensi berkaitan turut melaksanakan pemantauan rapi terhadap keseluruhan rantaian bekalan ternakan.

"Pemantauan ini merangkumi peringkat ladang, operasi rumah sembelih serta proses pengedaran

18/3/2026

THE STAR

EVENT

M/S 11

BY **BERNARD SEE**
north@thestar.com.my

DOG owners on Penang mainland are encouraged to obtain licences for their pets, at just RM10.

They then stand a chance to get their pets spayed or neutered at half-price, under Seberang Perai City Council's (MBSP) programme.

MBSP councillor Ooi Yong Wooi said its annual spaying and neutering was for 100 dogs and 100 cats at designated veterinary centres on the mainland, on a first-come, first served basis.

"Register for a dog licence and you will get the opportunity to spay or neuter your pet at half price," he said after a Dog Licensing Outreach Programme at Berapit wet market in Bukit Mertajam.

The outreach programme organised by MBSP Veterinary Department with Kampong Besar Community Management Council

MBSP offers half-price pet sterilisation



An MBSP veterinary officer explaining pet licensing to Lim and Yew at Berapit wet market, Bukit Mertajam. — CHAN BOON KAI/The Star

(MPKK) was aimed at making it convenient for owners to obtain licences on the spot, while raising awareness of responsible pet ownership.

Fifteen dog licences were issued

out 2026 to reach more communities," said Ooi.

He said dogs bearing tags would not be picked up during MBSP enforcement operations.

He added that the city council's broader animal management approach included its trap, neuter, release and manage (TNRM) programme.

"MBSP has also adopted a no-kill policy.

"Strays are brought to the pound and if no one claims them after three days, they will be made available for adoption.

"Our approach is humane and focused on population control through neutering.

"Responsible ownership is the key to maintaining harmony between residents and animals.

"When owners license and neuter their pets, it reduces

complaints, prevents overpopulation and ensures better welfare for the animals. It is a shared responsibility."

Housewife Lim Guek Yie said she had planned on getting a licence for her dog for a while, and felt fortunate to come across the outreach programme.

Businessman Yew Kum Chai said a neighbour told him about the outreach programme.

"I finally got a licence for my dog after four years.

"I might also take up the half-price neutering offer when the time comes."

With more outreach programmes planned, Ooi said MBSP hoped to see higher compliance and stronger community support for its animal welfare initiatives.

For enquiries, contact the MBSP Veterinary Unit at 04-540 2566 or e-mail vet@mbbsp.gov.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2026	KOSMO	NEGARA	M/S 4



AMINUDDIN (dua dari kiri) melakukan gimik mengcau penganan cair pada Pelancaran Program Semarak Syawal Pasar Tani Peringkat Kebangsaan di Pasar Tani Ampangan di sini semalam.

Bekalan sayur, daging dijamin cukup

- **FAMA beri jaminan bekalan, permintaan terkawal menjelang Aidilfitri**
- **Jika berlaku kekurangan sumber alternatif dicari pastikan stabil**

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEREMBAN – Bekalan makanan seperti sayur dan daging kekal stabil menjelang perayaan Aidilfitri walaupun terdapat kebimbangan kemungkinan berlaku gangguan bekalan akibat faktor

luaran.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkifli berkata, setakat ini bekalan, permintaan serta harga barangan makanan terkawal.

“Setakat ini, alhamdulillah keadaan masih baik. Bekalan, permintaan dan harga menjelang Aidilfitri dijangka kekal stabil,” katanya pada pelancaran Program Semarak Syawal Pasar Tani Peringkat Kebangsaan di Pasar Tani Ampangan di sini semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menolak kemungkinan perubahan harga boleh berlaku sekiranya terdapat faktor luar jangka seperti konflik antarabangsa atau

gangguan logistik yang memberi kesan kepada rantaian bekalan.

Menurutnya, faktor luaran seperti peperangan atau bekalan minyak boleh mempengaruhi kos logistik sekali gus memberi tekanan kepada harga pasaran.

Tambah beliau, sekiranya berlaku kekurangan bekalan, FAMA akan mencari sumber alternatif bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan harga dapat distabilkan.

“Kita akan kenal pasti punca sebenar dan mencari alternatif. Jika sebelum ini satu sumber bekalan, kita akan gantikan kepada dua atau lebih bagi mempelbagaikan sumber perolehan,” jelasnya.